



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENYERAPAN DAN PENSEJAJARAN BEBERAPA JABATAN
DAN AGENSI KE KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
EKONOMI**

**DAN
LANTIKAN PENERUSI LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI
BRUNEI (LKEB)**

Pada menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Kementerian Kewangan untuk ditukar gelarannya menjadi Kementerian Kewangan dan Ekonomi, maka dengan ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi **Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)**; **Jabatan Perdagangan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**; **Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB)**; dan **FDI Action and Support Centre (FAST)** untuk diserapkan ke Kementerian Kewangan dan Ekonomi berkuatkuasa pada 20 September 2018.

2 Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita memaklumkan mengenai dengan pelantikan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awg Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjadi **Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei** berkuatkuasa pada 8 Oktober 2018.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
24 Oktober 2018